

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM
(BERUAS)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah jenis dana Kerajaan yang memberikan pinjaman tanpa faedah atau dengan faedah yang rendah (soft loan). Nyatakan jenis-jenis dana ini dan berapakah jumlah yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan untuk dana-dana ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pinjaman yang diberikan tanpa faedah adalah bagi projek bekalan air di mana setakat 30 April 2016, jumlah pinjaman yang telah diluluskan bagi projek ini adalah sebanyak RM13,943 juta. Selain itu, Kerajaan juga telah memberi pinjaman bagi pelbagai projek lain antaranya termasuk bagi kemudahan asas, tenaga dan pertanian dengan kadar faedah yang

rendah sehingga 8 peratus di mana setakat 30 April 2016, jumlah pinjaman yang telah diluluskan bagi projek-projek ini adalah sebanyak RM55,388 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

SOALAN :

YB Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah polisi Kerajaan untuk memastikan peratusan pekerja-pekerja Kerajaan lebih mencerminkan komposisi semua kaum di Malaysia. Nyatakan pecahan peratusan mengikut kaum yang berkhidmat dengan Kerajaan.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan secara konsistennya telah mengamalkan polisi persaingan secara terbuka tanpa mengira kaum bagi tujuan pengambilan pekerja dalam perkhidmatan awam dimana calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk temu duga sekiranya melepasi asas-asas tapisan yang ditetapkan dan akan ditawarkan pelantikan secara tetap sekiranya berjaya mengikut kekosongan jawatan yang ada.

Dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan penyertaan kaum bukan bumiputera dalam perkhidmatan awam, Kerajaan melalui Pihak Berkuasa Melantik (PBM) seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Suruhanjaya yang lain telah melaksanakan pelbagai program seperti berikut :

- i) Melaksanakan Kajian Persepsi Kerjaya Dalam Perkhidmatan Awam Di Kalangan Masyarakat Bukan Melayu dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;
- ii) Menubuhkan Jawatankuasa Kerja Bagi Mengatasi Masalah Kekurangan Representasi Bukan Melayu Dalam Perkhidmatan Awam;

SULIT

- iii) Menyiarkan “*crawlers*” mengenai urusan pengambilan jawatan di sektor awam di media elektronik seperti di televisyen semasa Berita Tamil/Cina dan radio Minnal.fm (RTM);
- iv) Mengadakan karnival kerjaya di tempat-tempat awam dan strategik di seluruh negara; dan
- v) Mengadakan sesi dialog bersama wakil masyarakat berbilang kaum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Januari 2016, pengisian mengikut pecahan peratus kaum di semua Jabatan Kerajaan di seluruh Malaysia adalah 78.5% Melayu, 5.5% Cina, 3.8% India dan 12.2% lain-lain (Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak, Orang Asli Semenanjung, Siam dan lain-lain).

Walau bagaimanapun, jika tidak mengambil kira pengisian dalam Angkatan Tentera Malaysia dan Pasukan Polis, pengisian mengikut pecahan peratus kaum menunjukkan 77.3% Melayu, 6.4% Cina, 4.1%, India dan 12.2% lain-lain.

Sekian. Terima kasih.